

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN YAMANI HAFEZ BIN MUSA
[SIPITANG]**

TARIKH : 27 OGOS 2020 (KHAMIS)

SOALAN

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah ada cadangan membina Sekolah Menengah di Mendulong, Sipitang bagi menampung keperluan pelajar dari kawasan pedalaman termasuk Long Pasia yang paling jauh terpencil dan juga apakah status berhubung cadangan pembinaan SK Pekan Sipitang yang masih berkeadaan daif pada masa ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, keperluan pembinaan sekolah di sesuatu kawasan perlu mengambil kira kepadatan penduduk, permintaan oleh masyarakat setempat serta bilangan enrolmen murid di sekolah tadahan (*feeder school*) berhampiran. Namun begitu, kelulusan bagi pembinaan sesebuah sekolah masih juga tertakluk kepada kemampuan kewangan semasa kerajaan.

Pada masa kini, terdapat empat buah sekolah menengah di daerah Sipitang iaitu SMK Sindumin, SMK Padang Berempah, SMK Pengiran Omar dan SMK Pengiran Omar II. Kesemua sekolah ini mempunyai asrama dan mampu menampung kemasukan murid dari tujuh buah sekolah rendah dalam zon timur di bawah Pejabat Pendidikan Daerah Sipitang (PPD) Sipitang. Tujuh buah sekolah rendah ini berfungsi sebagai sekolah tadahan kepada empat sekolah menengah sedia ada.

Oleh yang demikian, tiada keperluan untuk membina sekolah menengah yang baharu buat masa ini memandangkan empat buah sekolah menengah sedia ada masih dapat menampung jumlah murid daripada tujuh buah sekolah rendah di kawasan tersebut.

Sekian, terima kasih.